

BAB 2 LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN

2.0 Pengenalan

Perkampungan Orang Asli Sungai Ruil dipilih sebagai kawasan kajian berdasarkan dua ciri utama. Ciri utama ialah perkampungan tersebut diduduki oleh kaum Asli Semai yang merupakan masyarakat Orang Asli yang lebih moden jika dibandingkan dengan kaum Asli yang lain.

Kedua, petempatan Sungai Ruil adalah antara petempatan yang agak besar terutama di Cameron Highlands. Lokasinya yang berdekatan dengan pekan Tanah Rata menambahkan lagi unsur-unsur perubahan yang dikehendaki.

Memandangkan sebab-sebab yang disebutkan, dipercayai kaum Asli di Sungai Ruil secara tidak langsung dipengaruhi oleh anasir-anasir luar. Anasir-anasir tersebut mungkin sedikit sebanyak akan ‘mempermodenkan’ masyarakat di situ dari segi pandangan dunia (world-view) dan seterusnya akan menyebabkan perubahan ke atas unsur-unsur lain seperti institusi adat resam, kepercayaan dan sistem nilai.

Masyarakat di sini pada keseluruhannya ‘sengoi Semai’¹ tetapi terdapat juga keturunan lain seperti Temiar dan Jakun. Hampir 90% daripada penduduknya tidak beragama dan hanya empat keluarga beragama Islam serta tiga keluarga beragama Kristian.

Dentan telah mengatakan bahawa kaum Asli Semai mempunyai warna kulit yang gelap, bibir yang tebal dengan rambut yang hitam serta kerinting dan hidung yang pendek

¹ ‘Sengoi’ dari bahasa Semai bermakna orang.

(Dentan, 1970:8). Tetapi kini, di perkampungan tersebut terdapat rupa bentuk yang heterogeneus disebabkan faktor-faktor fizikal dan biologi seperti iklim dan pemakanan serta perkahwinan campur dengan kaum yang lain atau suku kaum Asli yang lain. Secara amnya, mereka mirip kepada kaum Melayu.




Gambar 2.3 : Ciri-ciri fizikal yang berbeza antara dua generasi.

Bahasa perantaraan yang utama di sini ialah bahasa Semai dan Bahasa Malaysia. Bahasa Semai adalah 'lingua franca' (sila lihat lampiran 1 untuk contoh bahasa Semai) antara mereka sendiri (Semai) mahupun dengan Temiar dan Jakun. Bahasa Malaysia pula digunakan untuk berinteraksi dengan masyarakat bukan asli seperti Cina dan Melayu yang biasa terdapat di sekitar perkampungan tersebut.

2.1 Perkampungan Orang Asli Sungai Ruil

Perkampungan Orang Asli Sungai Ruil terletak di Mukim Tanah Rata, Cameron Highlands. Keluasan kampung tersebut ialah lebih kurang 64 hektar atau 258999 meter persegi. Petempatan ini bermula dari lembah hingga ke bukit. Ia terletak 4 kilometer ke utara Tanah Rata dan 3 kilometer dari timur-laut Brinchang.

Petempatan ini merupakan 'frontier settlement' yakni kampung pinggiran. Ia terletak 4 kilometer sahaja dari Tanah Rata dan terdapat sebuah jalan bertar sepanjang 1 kilometer menghubungkan kampung ini dengan jalanraya utama di Cameron Highlands. Gelaran 'frontier settlement' adalah disebabkan kedekatannya dengan 'dunia luar'.



Gambar 2.4 : Jalan bertar sepanjang 1 km yang menghubungkan kampung ini dengan jalan besar.

Lokasinya sebagai 'frontier settlement' telah menyebabkan kemudahan-kemudahan utama seperti kemudahan elektrik dan air terdapat di rumah yang terletak di kaki bukit. Ia juga menjadi tempat tinggal kepada pegawai-pegawai Jabatan Hal-Ehwal Orang Asli (JHEOA) di Cameron Highlands.

Selain dari itu, terdapat sebuah asrama yang didirikan sejak tahun 1959/60 yang menjadi tempat penginapan murid-murid Asli dari sekitar pendalaman Tanah Rata. Asrama tersebut mempunyai 97 orang murid dari darjah satu hingga tingkatan lima.



Gambar 2.5 Asrama murid-murid Asli Di Sungai Ruil.

2.2 Sejarah Petempatan Awal

Kampung Sungai Ruil bermula pada tahun 1949. Permulaannya disebabkan oleh seorang ketua suku kaum Semai

yang bernama Batin Tok Muda. Beliau dan keluarganya telah berpindah dari Brinchang dan bertapak di situ.

Sebenarnya sebelum Perang Dunia Kedua, keluarga Batin Tok Muda tinggal di kawasan pendalaman di sekitar pergunungan berdekatan dengan Cameron Highlands. Akibat peperangan tersebut, maka mereka telah berpindah ke kawasan Brinchang untuk tujuan menyelamatkan diri.

Penempatan baru di kawasan Brinchang hanyalah untuk sementara waktu sahaja. Pada awal 1950an, gerakan komunis telah menjadi semakin serius. Orang-orang Asli yang tinggal di pinggir hutan dan kawasan hutan telah dieksplotasi oleh pihak komunis untuk mendapat bantuan makanan dan keperluan yang lain dalam menentang pihak pemerintah. Oleh sebab itu, pihak pemerintah yang berkenaan, iaitu pihak British telah mengumpul Orang Asli yang tinggal di hutan dan pinggir hutan ke dalam satu tempat tertentu yang di bawah kawalannya. Dalam lingkungan masa yang sama, yakni pada tahun 1954, Department of Aborigines telah ditubuhkan apabila kesedaran tentang kepentingan dan kebijakan Orang Asli wujud.

Selepas merdeka, Orang-orang Asli yang terkumpul telah dibenarkan berpindah dan meneroka kawasan penempatan yang baru. Batin Tok Muda yang ingin berpindah balik ke kawasan Brinchang telah berasa dukacita kerana kawasan Brinchang telah terletak di bawah rancangan pembangunan oleh pihak kerajaan. Semakin ramai pemaju-pemaju tempatan mahupun luar negeri telah membeli tanah-tanah di Cameron Highlands disebabkan potensinya untuk menjadi tempat peranginan pada

masa akan datang.

Penempatan baru di Sungai Ruil merupakan kawasan strategi kerana ia luas dan berhampiran dengan kedua-dua Tanah Rata dan Brinchang . Tambahan lagi ia, adalah kawasan yang sesuai untuk mencari nafkah. Oleh sebab itu, kawasan ini menjadi tumpuan kaum Asli di sekitar kawasan pendalaman yang berdekatan. Penambahan penduduk yang cepat juga telah berlaku di situ. Penambahan tersebut menyebabkan Sungai Ruil mempunyai penduduk yang paling ramai jika dibandingkan dengan petempatan lain di Cameron Highlands. (Rujuk Jadual 2.1)

Jadual 2.1 di sebelah telah menunjukkan jumlah penduduk di Pos Bertam Valley, Pos Lemoi, Pos Mensun, Pos Telanok dan Pos Terisu. Pos Bertam Valley dan Pos Lemoi merangkumi tiga kampung, Pos Mensun merangkumi lima kampung, Pos Telanok merangkumi sepuluh kampung dan Pos Terisu merangkumi empat kampung. Didapati bahawa jumlah penduduk di Pos Bertam Valley, Pos Lemoi dan Pos Terisu adalah kurang daripada di Sungai Ruil, iaitu 233, 199 dan 325 dibanding dengan 360 orang. Walaupun Pos Mensun dan Pos Telanok menunjukkan penduduk yang lebih ramai daripada Sungai Ruil, ia adalah jumlah penduduk dari lima kampung dan sepuluh kampung seperti yang ditunjukkan. Oleh itu, Sungai Ruil mempunyai penduduk yang jauh lebih ramai dari kawasan yang lain pada tahun 1987 setelah berlalunya lebih kurang 30 tahun.

Menjelang tahun 1960an, pihak kerajaan di bawah Department of Aborigines Affairs (JHEOA pada tahun 1963)

Jadual 2.1 Banci Tahun 1987.

Kawasan	Kelamin	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Pos Bertam Valley				233
Sungai Chohong	9	16	25	41
Sungai Kabut	10	20	24	44
Sungai Khor	14	21	22	148
Pos Lemoi				122
Cenan Cerah	11	26	33	59
Lemoi	14	54	42	96
Telimanu	11	18	26	44
Pos Mensun				658
Boh	7	18	20	38
Kuala Boh	46	102	103	210
Sungai Leryer	40	87	102	189
Sungai Relong	41	95	88	183
Mensun	8	18	20	38
Pos Telanok				636
Chemak	5	17	7	24
Cheros	15	31	20	51
Rening	29	45	38	83
Renlas	16	40	40	80
Senangkar	18	39	41	80
Sungai Lon	9	30	27	57
Kuala Teji	29	35	55	90
Susu	15	35	32	62


Kawasan	Kelamin	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Terakit	12	27	17	44
Tiat	8	25	35	60
Pos Terisu				325
Sungai Bedil	6	12	15	27
Sungai Getong	17	38	50	88
Sungai Jarik	21	42	48	90
Terisu	20	73	47	120
Tanah Rata				456
Sungai Ruil*	72	166	194	360
Sungai Habu	15	33	32	65
Sungai Ulong	4	12	7	19
Sungai Ubi	15	45	57	102

Sumber : JHEOA, Cameron Highlands, Pahang

telah mula membangunkan petempatan tersebut. Pihak kerajaan telah memberi rumah-rumah yang dibekalkan dengan elektrik dan air kepada penduduk-penduduk yang tinggal di kaki bukit. Rumah-rumah tersebut dibina satu demi satu dan sehingga hari ini bilangan rumah yang terdapat disitu ialah 28 buah. Tambahan lagi, baru-baru ini, tiga buah rumah yang dikatakan dibina dengan perbelanjaan sendiri yang berjumlah \$12,000 telah juga dibina. Rumah tersebut tidak berbeza dari rumah Melayu yang terdapat di kampung-kampung Melayu. Di kawasan ini hanya terdapat enam buah rumah cara lama atau rumah buluh.




Gambar 2.6 : Contoh rumah rancangan Dh - IA
yang mula diperkenal pada awal 1960an.



Gambar 2.7 : Contoh rumah yang dibina dengan perbelanjaan sendiri (\$12,000).

Oleh yang demikian, boleh dikatakan bahawa terdapat rumah 'moden' di tanah datar, iaitu rumah yang diberi oleh pihak kerajaan di kaki bukit dan rumah buluh di atas bukit. Implikasi dari bentuk-bentuk rumah tersebut ialah terdapatnya pertentangan antara 'moden' dan 'primitif'² di kawasan penempatan tersebut. Boleh dikatakan bahawa perkembangan dan perubahan berlaku berperingkat-peringkat dari lembah ke bukit.

2 'Moden' merujuk kepada terdapatnya perbaruan dan perubahan. 'Primitif' merujuk kepada tidak ada perbaruan.



Gambar 2.8 : Contoh rumah buluh yang tradisional.

2.3 Pentadbiran

Dari segi pentadbiran kampung, ia masih mengelakkan sistem lama yang diketuai oleh seorang 'Batin'. Gelaran 'Batin' adalah diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi yang bermakna 'ketua'. Bagi kes di Sungai Ruil, Batin Tok Muda merupakan batin terawal dan seterusnya jawatan ini disalurkan kepada anak lelakinya Batin Dollah. Batin Dollah telah meninggal dunia pada tahun 1988.

Pada tahun yang sama (1988), anaknya yang tertua, iaitu Zainal bin Dollah telah mengambil alih kuasa tersebut. Sehingga kini, Batin Zainal masih merupakan Ketua Kampung di Sungai Ruil.

Walau bagaimanapun, Batin Zainal hanya merupakan perujuk kepada hal-hal yang berkaitan dengan anak buahnya


seperti perkahwinan dan kematian. Hal-hal pentadbiran adalah diuruskan oleh pihak kerajaan JHEOA.

2.4 Taraf Sosio-Ekonomi

Pada keseluruhannya kampung ini sangat terdedah kepada perkembangan dunia luar. Masyarakat di sini menceburkan diri dalam berbagai lapangan pekerjaan di sekitar pekan yang berhampiran seperti Tanah Rata dan Brinchang.

Kebanyakan dari mereka bekerja dari pukul 6.00 pagi hingga ke pukul 6.00 petang. Bidang pekerjaan yang diceburi termasuklah berbagai bidang makan upah. Kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh mereka adalah sebagai buruh kasar di kebun sayur atau kebun bunga yang dimiliki oleh Orang Cina. Mereka juga bekerja di Majlis Daerah Cameron Highlands sebagai buruh-buruh kasar yang mengutip sampah, menjaga kecantikan daerah dengan penanaman bunga dan lain-lain aktiviti. Ada juga yang bekerja di Jabatan Kerja Raya Cameron Highlands dan Jabatan Anti-Malaria Cameron Highlands.

Pekerjaan yang paling popular di kalangan orang muda ialah sebagai 'caddie' di padang golf (Golf course). Ramai budak-budak sekolah juga menjadikan pekerjaan ini sebagai kerja sambilan selepas sekolah.



Gambar 2.9 : 'Caddie' Orang Asli.

Jadual 2.2 : Klasifikasi pekerjaan.

Tempat	Jenis pekerjaan	Bilangan (Orang)
Majlis Daerah	Buruh kasar	21
	Budak Pejabat	1
(Maklumat ini diperolehi dari Majlis Daerah C.H.)		
Jabatan Kerja Raya	Buruh	12
Pej. Anti Malaria	Penjaga	4
Kebun sayur/bunga	Buruh Kasar	152
Padang Golf	'caddie'	10

Jadual 2.2. menunjukkan aktiviti ekonomi yang dilakukan oleh penduduk di Segai Ruil. Mereka yang bekerja di sektor kerajaan, umpamanya di Majlis Daerah, Jabatan Kerja Raya dan Pejabat Anti-Malaria merupakan golongan lelaki yang berumur

25 tahun ke atas. Manakala golongan yang bekerja di kebun merupakan golongan lelaki dan perempuan belasan tahun ke atas. Dan mereka yang bekerja sebagai 'caddie' lebih merupakan orang-orang muda belasan tahun hingga ke awal 20 an (seperti jadual 2.3).

Pekerjaan di kebun pula merupakan pekerjaan yang paling ramai diceburi kerana bidang tersebut luas terbuka kepada setiap orang. Ia menjadi tumpuan kepada mereka yang ingin mendapat upah tambahan atau sebagai pekerja tetap.

Jadual 2.3 Kaitan Pekerjaan dan Umur.

Pekerjaan	Umur
Sektor Kerajaan	lebih 25
Kebun	lebih 15
'caddie'	10 - 25

Corak pekerjaan seperti yang ditunjukkan di Jadual 2.3 juga menunjukkan bahawa mereka yang telah berumahtangga lebih berusaha untuk memperolehi rezeki yang tetap dan lumayan. Sebaliknya, bagi mereka yang tercicir dari sekolah atau telah berhenti dari bersekolah lebih sukaan pekerjaan yang lebih senang.

Kaum wanita pula merupakan golongan yang bekerja terutamanya di kebun sayur atau kebun bunga. Walaupun demikian terdapat juga ramai kaum wanita yang tidak bekerja tetapi lebih suka tinggal di rumah sebagai suri rumahtangga.


Keadaan ini biasanya berlaku ke atas mereka yang telah memperolehi upah yang cukup untuk sekeluarga misalnya mereka yang bekerja di sektor kerajaan.

Cara hidup yang sederhana ditunjukkan dengan keupayaan memiliki kenderaan. Keadaan ini secara tidak langsung memperlihatkan pengaruh luar.

Jadual 2.4 : Kenderaan Kepunyaan Masyarakat Sungai Ruile.

Jenis Kenderaan	Bilangan (buah)
Motosikal	13
Basikal	8
Basikal kecil (BMX)	5

Walaupun mereka hanya mempunyai motosikal dan basikal, mereka adalah lebih maju daripada masyarakat Asli yang lain yang hanya berjalan kaki. Budak-budak yang mempunyai basikal 'BMX' juga menunjukkan keadaan ekonomi yang agak baik kerana basikal tersebut bukanlah murah harganya (lebih kurang \$300 - \$400). Oleh yang demikian, dengan memiliki kenderaan seumpama basikal dan motosikal, ia secara tidak langsung telah menunjukkan keadaan ekonomi yang mempunyai kelebihan selain daripada keperluan asas.



Gambar 2.10 : Tempat letak motosikal bagi masyarakat di Sungai Ruil.



Gambar 2.11 : Seorang budak Asli dengan basikal 'BMX'nya.


Taraf ekonomi yang agak baik juga ditunjukkan apabila mereka memiliki barang elektrik seperti televisyen, radio, 'Hi-Fi', 'walkman' dan periuk nasi elektrik. Dengan adanya barang elektrik tersebut, ia menunjukkan taraf sosio-ekonomi yang memuaskan.

Jadual 2.5.i Barang elektrik kepunyaan masyarakat Sungai Ruil.

Jenis	Bilangan (buah)
Radio	2
Televisyen (hitam-putih)	15
Televisyen (Berwarna)	3
'Hi-Fi'	3
'Walkman'	2
Periuk Nasi Elektrik	3

Jadual 2.5 di atas menunjukkan barang elektrik yang dimiliki oleh masyarakat di Sungai Ruil. Walaupun bilangan yang tercatat adalah kecil, ia memberi implikasi bahawa pengaruh pembangunan telah meresap ke dalam masyarakat tersebut. Mereka juga cuba sedaya upaya untuk memilikinya kerana secara tidak langsung ia menggambarkan prestij seseorang.

Namun demikian, pemilikan barang elektrik tidak semestinya menggambarkan keseluruhan masyarakat di situ telah menjadi moden. Hanya sebahagian penduduk yang mempunyai barang elektrik dan adalah terhad ke atas barang yang lebih murah seperti televisyen hitam-putih.



Gambar 2.12 : Contoh sebuah isi rumah yang memiliki barang moden seperti televisyen, 'Hi-Fi', dan periuk nasi elektrik.

Kesimpulannya, dapat dinyatakan bahawa taraf sosio-ekonomi telah meningkat tetapi masih diperingkat kemiskinan jika dibandingkan dengan kaum yang lain. Orang Asli telah dimasukkan ke dalam kategori masyarakat miskin yang ditentukan untuk tujuan pembasmian kemiskinan dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB)³. Kumpulan masyarakat miskin yang dimaksudkan ialah pendapatan bersih \$175 hingga \$385. Didapati bahawa pendapatan sebagai buruh adalah lebih kurang \$350 sahaja bagi kaum Asli Semai di Sungai Ruil. Dalam tahun 1970, Orang Asli merupakan satu kumpulan miskin yang berjumlah kira-kira 53,000⁴ orang yang berpendapatan kurang dari pendapatan garis-miskin.

3 Rancangan Malaysia Keempat(1981 - 85), ms 41.

4 Rancangan Malaysia Ketiga (1975 - 80), ms 191.

Jadual 2.6 di bawah digunakan untuk membuktikan bahawa walaupun pendapatan Orang Asli telah bertambah dengan menceburkan diri ke dalam ekonomi kapitalis, mereka masih merupakan kumpulan miskin.

Jadual 2.6 : Semenanjung Malaysia : Pendapatan Purata Bulanan Isi Rumah Kumpulan Empat Puluh Peratus Terendah.

Kaum	1970 (\$)	1976 (\$)	1979 (\$)
Melayu	56.76	101.95	140.35
Cina	135.93	242.27	280.11
India	112.48	197.21	263.43
Kaum Lain	44.72	107.08	154.37
Purata :	75.90	142.19	186.19

Sumber : Penyiasatan Selepas Banci Penduduk dan Perumahan 1970, Banci Pertanian 1977 dan Penyiasatan Tenaga Buruh 1980 (diubahsuai dari Rancangan Malaysia Keempat 1981-85, ms.42)

Jadual 2.6 menunjukkan pendapatan isi rumah yang miskin. Orang Asli yang termasuk dalam kategori kaum lain adalah kumpulan miskin kerana pendapatannya tidak dapat mencapai purata pendapatan secara keseluruhannya.

Dengan itu, dapat disimpulkan bahawa taraf sosio-ekonomi masyarakat Sungai Ruil perlu ditingkatkan lagi. Mereka masih merupakan kumpulan termiskin jika dibandingkan dengan kumpulan masyarakat yang lain.

2.5 Pendidikan

Peluang untuk menerima pendidikan telah wujud dengan terdapatnya kemudahan pengangkutan di kampung Sungai Ruil. Majoriti yang berumur dalam lingkungan persekolahan iaitu antara tujuh tahun hingga tujuh belas tahun menerima pendidikan. Kemudahan pengangkutan membolehkan mereka pergi balik dari sekolah dengan mudahnya.

Sebuah asrama yang dibina di bawah Rancangan Pengumpulan Semula oleh JHEOA telah disediakan untuk mereka yang tinggal di kawasan pendalamam. Asrama tersebut juga menjadi faktor galakan kepada ibu bapa untuk menghantar anaknya ke sekolah.

Mengikut perangkaan yang didapati dari JHEOA Cameron Highlands, kira-kira 192 orang murid yang belajar di tiga buah sekolah di Tanah Rata, iaitu di Sekolah Menengah Sultan Ahmad Syah, Sekolah Kebangsaan Tanah Rata dan Sekolah Rendah Kebangsaan Tanah Rata dan Sekolah Kebangsaan Convent pada tahun ini (1991) (Sila rujuk Jadual 2.7)

Daripada jumlah murid itu, apabila ditolak 97 orang murid yang tinggal di asrama, didapati bahawa 95 orang murid atau 49% adalah dari sekitar Tanah Rata seperti Sungai Habu, Sungai Ulong, Sungai Ubi dan juga Sungai Ruil⁵. Sebagaimana yang diketahui, Sungai Ruil mempunyai penduduk yang paling ramai jika dibandingkan dengan tiga kawasan yang lain. Oleh itu, golongan pelajar dari Sungai Ruil mempunyai kebarangkalian yang lebih tinggi dalam belajar di sekolah.

⁵ Empat kawasan tersebut terletak di sekitar Tanah Rata.

Jadual_2_7_i_Pekangkaan_Murid-Murid_Orang_Aslia_di_Sekolah_Kementerian
Pelajaran_Daerah_Cameron_Highlands_Tahun_1921.

Sekolah	Tingkatan/Darijah						Jumlah
	1	2	3	4	5	6	
	L	P	L	P	L	P	
Sek. Men. Sultan	3	6	4	1	1	3	0
Ahmad Syah							18
Sek. Keb. Tanah Rata	2	11	11	8	11	8	32
							161
Sek. Ren. Keb. Convent	1	0	0	2	5	0	0
							13
							Jumlah
							192

Sumber_i_JHEOA_Cameron_Highlands

Kebangkaliannya ialah setiap empat orang murid itu tiga orang murid adalah dari Sungai Ruil.

Peringkat sekolah menengah mempunyai bilangan yang kecil kerana kebanyakannya ibu bapa tidak memberi galakan kepada anaknya selepas tamat pelajaran peringkat rendah. Mereka lebih digalakkan untuk bekerja bagi membantu keperluan keluarga. Mereka lebih berminat dalam kegiatan yang boleh memperolehi wang. Ada juga yang berhenti sekolah kerana mereka dihina oleh murid-murid yang lain semasa di sekolah.

Selain dari itu, persekitaran pula tidak sesuai untuk maju dalam pelajaran kerana lampu di rumah biasanya akan dipadamkan selewat-lewatnya pada pukul 10.00 malam. Malah ada pula yang tidak mempunyai lampu elektrik.

Pada waktu selepas sekolah pula, budak-budak yang bersekolah suka bercampur gaul dengan mereka yang tidak bersekolah dan bermain sepanjang petang tanpa mengulangkaji pelajaran. Ada pula yang pergi bekerja sebagai 'caddie' untuk mendapat wang saku. Faktor-faktor tersebut telah menjaskankan keinginan dan motivasi budak-budak untuk menerima pendidikan yang secukupnya.

Dengan itu, dapat disimpulkan bahawa taraf pendidikan di Sungai Ruil masih belum memuaskan kerana bukan semua ibu bapa yang sedar akan kepentingan pelajaran. Walau bagaimanapun keadaan tersebut adalah lebih baik daripada keadaan di mana terdapat ibu bapa yang langsung tidak sedar tentang kepentingan untuk memberi pendidikan kepada anak-anaknya.

Kebangkaliannya ialah setiap empat orang murid itu tiga orang murid adalah dari Sungai Ruil.

Peringkat sekolah menengah mempunyai bilangan yang kecil kerana kebanyakannya ibu bapa tidak memberi galakan kepada anaknya selepas tamat pelajaran peringkat rendah. Mereka lebih digalakkan untuk bekerja bagi membantu keperluan keluarga. Mereka lebih berminat dalam kegiatan yang boleh memperolehi wang. Ada juga yang berhenti sekolah kerana mereka dihina oleh murid-murid yang lain semasa di sekolah.

Selain dari itu, persekitaran pula tidak sesuai untuk maju dalam pelajaran kerana lampu di rumah biasanya akan dipadamkan selewat-lewatnya pada pukul 10.00 malam. Malah ada pula yang tidak mempunyai lampu elektrik.

Pada waktu selepas sekolah pula, budak-budak yang bersekolah suka bercampur gaul dengan mereka yang tidak bersekolah dan bermain sepanjang petang tanpa mengulangkaji pelajaran. Ada pula yang pergi bekerja sebagai 'caddie' untuk mendapat wang saku. Faktor-faktor tersebut telah menjaskan keinginan dan motivasi budak-budak untuk menerima pendidikan yang secukupnya.

Dengan itu, dapat disimpulkan bahawa taraf pendidikan di Sungai Ruil masih belum memuaskan kerana bukan semua ibu bapa yang sedar akan kepentingan pelajaran. Walau bagaimanapun keadaan tersebut adalah lebih baik daripada keadaan di mana terdapat ibu bapa yang langsung tidak sedar tentang kepentingan untuk memberi pendidikan kepada anak-anaknya.